

Modul 6

AKSESORI HIASAN

Modul 6 ini, murid akan mempelajari aksesori hiasan seperti gubahan bunga, lampu dan kipas hiasan, hiasan dinding, hiasan pintu dan tingkap serta aksesori pelengkap rekaan hiasan dalaman. Murid akan menganalisis kepentingan, melakar susun atur serta memilih bahan dan peralatan pemasangan setiap aksesori hiasan dalaman mengikut konsep sehingga menyediakan ruang dalaman yang lengkap.

Standard Kandungan

6.0 Aksesori hiasan

- 6.1 Gubahan Bunga
- 6.2 Lampu dan Kipas Hiasan
- 6.3 Hiasan Dinding
- 6.4 Hiasan Pintu dan Tingkap
- 6.5 Aksesori Pelengkap

KATA KUNCI

- Bunga segar
- Bunga tiruan
- Aksesori
- *Wainscoting*
- Kambi
- Dado dan kumai

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

1. Menyenaraikan jenis dan contoh setiap aksesori hiasan.
2. Menerangkan fungsi bagi setiap aksesori hiasan.
3. Menyesuaikan pemilihan aksesori hiasan berdasarkan konsep hiasan ruang dalaman.
4. Menganalisis pemilihan idea aksesori hiasan mengikut konsep hiasan ruang dalaman secara bersistematik.
5. Membuat justifikasi idea dan konsep hiasan dalaman serta memilih bahan dan peralatan pemasangan aksesori hiasan secara bersistematik dan sentiasa bersikap positif.
6. Menyediakan ruang dalaman berdasarkan konsep dan pemilihan aksesori hiasan secara kreatif, inovatif, rasional dan boleh diteladani.

6.1 GUBAHAN BUNGA

Gubahan bunga didefinisikan sebagai seni dalam menyusun atur dan mengumpulkan sejumlah bunga dan tumbuh-tumbuhan menjadi harmoni dan menarik dari segi bentuk, warna dan tekstur.

Pengaruh bunga dalam kehidupan bukanlah sesuatu perkara yang baharu. Sejak dahulu lagi, bunga merupakan salah satu hiasan yang digemari malah gubahan bunga telah menjadi sebahagian daripada budaya dalam masyarakat kita.

6.1.1 Kategori, Skema Warna, Fungsi dan Bentuk Gubahan Bunga Mengikut Konsep

Kategori gubahan



Bunga Segar

Bunga segar ialah bunga hidup yang digunakan sebagai gubahan. Bunga segar secara amnya mempunyai tahap ketahanan yang berbeza.

Bunga Tiruan

Bunga tiruan ialah bunga plastik yang digunakan untuk gubahan. Kelebihannya adalah lebih tahan lama, penjagaan yang minimum tetapi tidak mempunyai bau dan kelihatan kaku.



Standard Pembelajaran


Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- 6.1.1 Menyatakan kategori, skema warna, fungsi dan bentuk gubahan bunga mengikut konsep hiasan dalaman.
- 6.1.2 Menerangkan bahan, peralatan dan aksesori gubahan bunga.
- 6.1.3 Memilih gaya dan bentuk gubahan bunga mengikut kesesuaian ruang dalaman.
- 6.1.4 Mencadangkan gaya, bentuk gubahan bunga dan konsep hiasan dalaman berdasarkan situasi.
- 6.1.5 Menggubah bunga berdasarkan keperluan.

Skema warna

1) Warna Monokromatik

Gubahan bunga menggunakan warna monokromatik ialah warna yang diperolehi daripada hasil gabungan warna-warna pilihan. Contoh gandingan warna bermula dari yang paling terang hingga yang paling pekat. Contohnya, warna terang, *maroon*, merah muda hingga putih kemerahan. Warna monokromatik juga dikenali sebagai warna harmoni. Gubahan berbentuk bulat ini memberikan keseimbangan dari segi susunan bunga, pemilihan bentuk dan saiz bunga.



2) Warna Kontras

Gubahan bunga kontras menggunakan dua warna yang bertentangan pada roda warna seperti merah dan hijau. Pilihan saling melengkapi kerana pertentangan warna panas dan sejuk. Contoh kombinasi warna merah dan hijau, kuning dan biru. Penggunaan warna dan gubahan ini sering diletakkan di bahagian ruang depan sebagai titik tumpu kepada ruang tersebut.



3) Warna Komplimentari

Paduan satu warna asas dengan dua warna yang berada di antara warna bertentangan di dalam roda warna. Gubahan bunga ini sesuai diletakkan di meja makan, meja mesyuarat dan meja sisi sebagai hiasan kerana padanan warnanya yang berfungsi sebagai titik tumpu dalam sesuatu ruang.



Fungsi

- Menaikkan seri ruang dalaman.
- Memberi tarikan estetik suatu ruang.
- Memberi kesegaran kepada penghuni.
- Gubahan bunga segar dapat membantu peredaran udara di dalam rumah.

Prinsip Gubahan Bunga

KESEIMBANGAN

Keseimbangan fizikal: Kedudukan bunga stabil dan bekas bunga mampu menampung gubahan bunga tersebut.

Keseimbangan visual: Pemilihan jenis bunga, warna dan bentuk-bentuk bunga mestilah sesuai dan seimbang. Keseimbangan visual terbahagi kepada dua, iaitu keseimbangan simetrikal dan asimetrikal.

- **Keseimbangan visual simetrikal:** Setiap bahagian bunga yang bertentangan adalah sama.
- **Keseimbangan visual asimetrikal:** Memerlukan penelitian yang lebih dalam memastikan keseimbangan dua bahagian yang berbeza.

HARMONI

Harmoni merupakan elemen yang digunakan dalam membentuk kesatuan dalam hiasan. Harmoni adalah hasil paduan elemen-elemen gubahan dan menggunakannya secara tepat. Harmoni boleh diperoleh daripada keseluruhan gubahan termasuk bekas. Kombinasi bentuk dan tekstur semua elemen dalam gubahan dan susun atur ruang atau jarak antara bahan-bahan yang digunakan dalam gubahan.

TITIK TUMPU

Gubahan bunga sesuai dijadikan titik tumpu bagi sesuatu ruang. Gubahan bunga yang tepat, pemilihan bentuk bunga, warna dan jenis bunga yang berpadanan dapat memberikan kesegaran pada ruang.

Bentuk Gubahan

Terdapat pelbagai bentuk dalam gubahan bunga. Setiap gubahan bunga mempunyai nilai kreativiti tersendiri. Pelbagai kombinasi warna bunga gubahan bergantung kepada konsep cita rasa dan kreativiti penggubah. Antara gaya dan bentuk bunga adalah seperti di bawah.

1

Bentuk Segi Tiga

Gubahan berbentuk ini mempunyai bunga lurus yang dicucuk di tengah-tengah pasu atau bakul bunga. Ia lebih menitikberatkan keseimbangan dan ketinggian dalam bentuk gubahan meninggi dan tidak merendang atau melebar. Ketinggian biasa adalah dua kali lebih tinggi dari paras bekas bunga atau pasu yang digunakan. Gubahan ini sesuai diletakkan di ruang tamu dan meja sisi atau meja di ruang makan.



2 Bentuk Kubah

Gubahan ini biasanya dilingkari oleh daun-daun sebagai tapak di bahagian bawah. Gubahan bentuk kubah ini tidak akan mengganggu ruang kerana kebiasaannya bersaiz kecil. Gubahan ini sesuai diletakkan di ruang tamu atau ruang menyambut tetamu.



3 Bentuk L

Bentuk gubahan ini boleh digabungkan dengan *triangle* dan *asymmetrical arrangement*. Ia lebih berbentuk meninggi dan bunga asas pada bahagian sebelah gubahan akan membentuk L. Gubahan ini sesuai diletakkan di sudut yang berinding kerana ia hanya menampilkan gubahan sebelah sahaja. Gubahan ini sesuai diletakkan di ruang menyambut tetamu atau meja sisi.



4 Bentuk Menegak

Gubahan secara aliran dalam susunan. Susunan bunga bermula dari bahagian atas, iaitu daripada bunga yang tinggi kepada susunan bunga yang rendah dan akhirnya susunan bunga di bahagian tengah.



5 Bentuk Lengkungan Horgart

Gubahan ini memerlukan pasu yang berbentuk tinggi dan mempunyai corak gubahan yang lebih berbentuk kontinental atau *country look*.



6 Bentuk Mendatar

Susunan bunga secara mendatar. Susunan bunga ini menggunakan bekas yang rendah di mana satu bunga besar disertai dengan cabang-cabang bunga melabuh di kedua-dua belah sisi. Gubahan bunga ini biasanya digunakan dalam upacara dan majlis perkahwinan dan diletakkan di atas meja *banquet*, meja pengantin, meja kopi ruang tamu dan di bilik mesyuarat.



6.1.2 Bahan, Peralatan dan Aksesori Gubahan Bunga

Bahan-bahan asas dan peralatan yang digunakan dalam gubahan bunga adalah antara barang biasa yang terdapat di rumah kita. Tetapi ada juga sesetengah bahan memang direka khas untuk kegunaan menggubah bunga. Berikut adalah peralatan gubahan yang sering digunakan dalam menggubah bunga.

Peralatan


1 Pelurut Duri (*Rose Stripper*)

Digunakan untuk membuang duri-duri pada tangkai bunga ros. Hanya kepitkan kedua-dua bahagian dan tarikkan pada tangkai bunga. Ia akan menanggalkan duri-duri tajam yang terdapat pada tangkai bunga.



2 Pemotong Sisi

Digunakan untuk memotong tangkai-tangkai bunga.



3 Gunting Pemotong Bunga

Digunakan untuk memotong dawai.



4 Pisau Pengubah Bunga

Pisau pengubah bunga digunakan untuk memotong bunga atau batang bunga.



Bahan

1 Span

Span kering



Span terdiri daripada dua jenis, iaitu span yang digunakan untuk membuat gubahan bunga basah dan gubahan bunga kering.

INFO

Span kering yang digunakan untuk gubahan bunga hendaklah direndam selama dua minit sebelum digunakan.

Span basah



2 Pita Pelilit Bunga

Digunakan sebagai pelilit tangkai dan pengikat tangkai bunga.



3 Dawai Bunga

Kegunaannya adalah untuk memegang batang-batang bunga yang dicucuk di span untuk gubahan besar supaya tidak condong atau tumbang.



Bekas Gubahan

1 Bekas Logam

Bekas logam terbahagi kepada beberapa bahagian, iaitu besi galvani, aluminium dan keluli tahan karat. Bekas ini diperolehi dalam pelbagai bentuk dan saiz. Bekas logam adalah kalis air dan sesuai untuk gubahan basah.



2 Bakul

Bakul diperbuat daripada pelbagai bahan seperti rotan, buluh, ranting, akar dan plastik. Bakul diperolehi dalam pelbagai bentuk dan saiz serta sesuai untuk gubahan kering sahaja. Walau bagaimanapun bakul boleh digunakan untuk gubahan basah dengan meletakkan bekas kalis air di dalamnya.



3 Pasu Tanah

Pasu tanah adalah yang paling biasa diguna pakai dalam gubahan bunga. Ia sesuai untuk gubahan kering dan gubahan basah. Boleh diperolehi dalam pelbagai bentuk.



4 Bekas Plastik

Bekas plastik adalah ringan, kalis air dan tidak mudah pecah. Harga lebih murah jika dibandingkan dengan pasu lain. Sesuai untuk gubahan bunga kering.





5 Bekas Kaca

Bekas kaca seperti balang dan botol yang bersifat kalis air amat sesuai untuk gubahan basah. Ia boleh diperolehi dalam pelbagai bentuk, jenis dan saiz.

6 Kotak Kayu

Kotak kayu juga boleh dijadikan bekas gubahan bunga dan sesuai untuk gubahan bunga kering sahaja.



Aksesori

1 Riben

Berfungsi sebagai hiasan dalam gubahan bunga.



6.1.3

Memilih Gaya dan Bentuk Gubahan Bunga Mengikuti Kesesuaian Ruang Dalaman



a Foyer atau pintu masuk utama rumah

Foyer ialah ruang yang berada selepas pintu masuk utama sesebuah rumah. Merupakan ruang pertama yang dilalui penghuni dan tetamu. Ruang ini berfungsi sebagai perantara sebelum masuk ke ruang lain di dalam rumah. Jika *foyer* yang luas, gubahan bunga boleh diletakkan di tengah-tengah ruang misalnya di laluan jalan atau di atas meja.

b Ruang tamu

Ruang tamu berfungsi sebagai tempat menerima tetamu yang datang berkunjung ke kediaman. Ruang ini menjadi tempat tumpuan. Kerana sifatnya ini, gubahan bunga boleh diletakkan di banyak tempat. Jika gubahan diletakkan di meja tengah atau *coffee table*, gubahan perlulah yang dapat dilihat dari semua arah. Gubahan hendaklah tidak terlalu tinggi sehingga menghalang orang ketika berbincang. Untuk meja tepi atau sudut meja, bentuk gubahan adalah yang dapat dilihat dari satu arah.



c Ruang makan

Gubahan bunga di ruang makan berfungsi sebagai penyegar dan penyeri agar suasana di meja makan lebih menyenangkan. Ukuran meja makan mempengaruhi gubahan bunga yang digubah. Jika luas meja makan mencukupi, gubahan bunga boleh diletakkan di tengah-tengah agar dapat dilihat dari semua arah. Untuk meja yang tidak terlalu besar, gubahan bunga boleh diletakkan di atas meja tepi atau di atas meja kecil. Gubahan yang sesuai di meja makan adalah berbentuk kubah.

d Bilik tidur

Gubahan bunga yang ideal di bilik tidur tidak perlu terlalu besar terutama jika ingin diletakkan di meja sisi. Gaya gubahan bunga yang ringkas dan hanya berfungsi sebagai pelengkap ruang dan bukan sebagai fokus utama. Pemilihan warna-warna lembut pada bunga dan bersifat menenangkan paling sesuai dalam gubahan. Bentuk gubahan yang sesuai di dalam hiasan bilik tidur adalah yang berbentuk mendatar dan tegak.

6.1.4

Bentuk Gubahan Bunga dan Konsep Hiasan Dalam Berdasarkan Situasi



a Konsep Moden

Gubahan bunga bentuk kubah dan menegak sesuai diletakkan di ruang tamu konsep Moden.

b Konsep Moden Kontemporeri

Ruang konsep Moden Kontemporeri juga sesuai dihiasi dengan gubahan berbentuk kubah dan diletakkan di meja tengah sebagai hiasan.



c Konsep Minimalis

Gubahan bunga tegak sesuai digunakan di ruang yang berkonsepkan Minimalis. Pemilihan kuantiti bunga dan daun yang terhad mampu memberikan penekanan kepada konsep Minimalis di dalam ruang.





d Konsep Nusantara

Pemilihan bunga segar atau berdaun lebar menjadi pilihan dalam dekorasi dan gubahan bunga dalam konsep Nusantara. Elemen dekorasi ini menunjukkan hubungan alam semula jadi dengan ruang dalaman.




e Konsep Inggeris

Gubahan bunga bentuk kubah sering menjadi pilihan dalam hiasan dan dekorasi ruang berkonsep Inggeris. Penggunaan bunga segar atau semula jadi turut menjadi pilihan dalam gubahan.

6.15 Proses Mengubah Bunga

Gubahan Bunga Berbentuk L




1


Masukkan span bunga ke dalam bekas pasu bulat yang rendah.

2

Cucukkan batang bunga (a) di tengah bekas. Kemudian cucuk daun lebar sama panjang dengan batang (a) di belakangnya.



(a)



(a)

(c)


(b)

3

Setelah itu, cucukkan batang bunga (b) bersama-sama daun lebar secara mendatar pada bahagian kanan bekas. Selepas itu, cucuk batang bunga (c) yang pendek secara mendatar arah yang bertentangan untuk menampakkan bentuk L.

4

Cucukkan dedaun hijau yang besar pada bahagian tengah bagi menutup span bunga.



5

Kemudian masukkan beberapa bunga besar dan bunga kecil untuk memenuhi bahagian-bahagian yang kosong.



6

Akhir sekali, kemaskan gubahan bunga dan tambah aksesori sebagai penyeri.




Gubahan Bunga Berbentuk Kubah




1

Masukkan span bunga ke dalam bekas pasu.




2

Cucukkan batang bunga (a) di tengah bekas.




3

Kemudian, cucukkan beberapa batang bunga (b) yang berlainan warna dan panjangnya sama dengan panjang bunga (a).




4

Setelah itu, cucuk dedaun hijau yang besar di bahagian tengah pasu.



5

Cucukkan bunga yang besar bagi memenuhi ruang-ruang yang kosong sehingga keseluruhan kelihatan bulat.



6

Akhir sekali, perkemaskan gubahan dengan bunga-bunga kecil.

Rumusan

Kategori bunga

- Bunga segar
- Bunga tiruan

Bahan dan peralatan dalam gubahan bunga

- Span kering dan basah
- Pita pelilit bunga
- Dawai bunga
- Gunting pemotong
- Pelurut duri/Rose stripper
- Pemotong dawai
- Pisau penggubah bunga

Bekas gubahan bunga

- Logam
- Bakul
- Plastik
- Pasu
- Kaca
- Kotak kayu

Gaya dan bentuk gubahan mengikut konsep ruang

- Hiasan gubahan bunga di foyer atau pintu masuk utama rumah.
- Hiasan gubahan bunga di ruang tamu.
- Hiasan gubahan bunga di ruang makan.
- Hiasan gubahan bunga di bilik tidur.

Bentuk gubahan bunga

- Bentuk segi tiga
- Bentuk kubah
- Bentuk L
- Bentuk menegak
- Bentuk lengkungan *horgart*
- Bentuk mendatar

GUBAHAN BUNGA



LATIHAN PENGUKUHAN

BAHAGIAN A

1. Bekas gubahan yang manakah paling sesuai digunakan dalam gubahan bunga segar?
 - A Bekas kayu
 - B Bekas kaca
 - C Bekas plastik
 - D Bekas polisterin
2. Bentuk gubahan manakah merupakan gubahan yang sesuai diletakkan di ruang tamu?
 - A Bentuk L
 - B Bentuk kubah
 - C Bentuk segi tiga
 - D Bentuk lengkungan *hogart*



3. Apakah nama peralatan di atas?
 - A Pelurut duri
 - B Pisau pemotong
 - C Pemotong bunga
 - D Gunting pemotong
4. Fungsi gubahan bunga ialah _____.

I harmoni	III keseimbangan
II cahaya	IV titik tumpu

 - A I sahaja
 - B I dan II
 - C I, II dan III
 - D I, III dan IV
5. Apakah jenis span yang perlu direndam selama dua minit sebelum digunakan untuk menggubah?
 - A Span basah
 - B Span kering
 - C Span lembap
 - D Span basah dan kering

BAHAGIAN B

1. Senaraikan dua kategori gubahan bunga.

i _____

ii _____

2. Senaraikan empat peralatan penting yang perlu ada semasa menggubah bunga.

i _____ iii _____

ii _____ iv _____

3. Berikut adalah bentuk gubahan bunga.

A	Bentuk segi tiga
B	Bentuk kubah
C	Bentuk L

Padankan pernyataan di bawah dengan jenis bentuk gubahan bunga dengan menulis **A, B** atau **C** di dalam ruang yang telah disediakan.

Pernyataan	Bentuk Gubahan
Ketinggian bunga mestilah dua kali lebih tinggi dari paras bekas bunga atau pasu yang digunakan. Sesuai diletakkan di ruang tamu, meja sisi atau meja di ruang makan.	
Berbentuk meninggi dan bunga asas pada bahagian sebelah gubahan akan membentuk L. Gubahan ini sesuai diletakkan di sudut yang berdinging.	
Gubahan ini dilingkari oleh daun-daun sebagai tapak di bahagian bawah. Gubahan ini juga tidak akan mengganggu ruang kerana kebiasaannya bersaiz kecil.	



TUGASAN

Hasilkan satu jenis gubahan bunga berdasarkan tema dan konsep ruang yang dipilih.

Pilihan A	Pilihan B
1. Membuat gubahan bunga berbentuk lengkungan <i>horgart</i> di bilik tidur. 2. Berkonsepkan Moden.	1. Membuat gubahan bunga berbentuk kubah di ruang tamu. 2. Berkonsepkan Inggeris.



6.2

LAMPU DAN KIPAS HIASAN

6.2.1 Pencahayaan dan Pengudaraan yang Sesuai Berdasarkan Ruang Dalam

Pencahayaan amat penting dalam kehidupan seharian. Dengan adanya sumber cahaya segala aktiviti dapat dijalankan dengan sempurna. Sumber cahaya diperoleh sama ada secara sumber semula jadi atau buatan.

Pengudaraan semula jadi merupakan elemen yang penting kerana ia merupakan satu sistem untuk membenarkan pengudaraan dari luar bangunan masuk ke dalam sesebuah bangunan atau kediaman.


Keberkesanan teknik pengudaraan semula jadi ke dalam sesebuah bangunan bergantung kepada reka bentuk bangunan dan ruang, beban haba dalaman dan kedudukan bukaan tingkap dan pintu. Sumber pengudaraan buatan pula terdiri daripada kipas dan penghawa dingin.

Rajah di bawah menunjukkan perbandingan pencahayaan, pengudaraan semula jadi dan buatan.

Pencahayaan



Pengudaraan



Standard Pembelajaran

Pada akhir pembelajaran, murid dapat:

- 6.2.1 Menyatakan konsep pencahayaan dan pengudaraan yang sesuai berdasarkan ruang dalaman.
- 6.2.2 Menerangkan jenis, fungsi serta bentuk lampu dan kipas hiasan pada dinding dan siling mengikut konsep hiasan dalaman.
- 6.2.3 Menyesuaikan susun atur lampu dan kipas hiasan mengikut kesesuaian ruang dalaman.
- 6.2.4 Menganalisis jenis, fungsi serta bentuk lampu dan kipas hiasan berdasarkan kesesuaian konsep ruang dalaman.
- 6.2.5 Memilih jenis dan kuantiti lampu dan kipas hiasan mengikut konsep ruang dalaman.
- 6.2.6 Melakar susun atur lampu dan kipas hiasan mengikut fungsi ruang dalaman dengan lengkap.

CABAR MINDA



Pencahayaan merupakan elemen penting dalam menata hias kediaman. Pada pandangan anda, apakah faktor menyebabkan ruang kediaman tersebut kelihatan cantik dan eksklusif?

6.2.2 Menerangkan Jenis, Fungsi serta Bentuk Lampu dan Kipas Hiasan pada Dinding dan Siling Mengikut Konsep Hiasan Dalamaman

Jenis dan Fungsi Lampu

Lampu Gantung

Lampu yang terdiri daripada mentol dan terendak. Lampunya digantung dari siling. Reka bentuk lampu gantung terdapat dalam pelbagai bentuk, corak dan gaya.

Lampu Gantung Dekoratif

Lebih bersifat sebagai hiasan daripada fungsi. Biasanya lampu jenis ini mempunyai mentol yang banyak dan digantung pada bahagian tengah siling sebagai elemen hiasan lampu utama. Terdapat pelbagai reka bentuk, contohnya lampu *chandelier*.

Lampu Trek

Dipasang khas pada sebatang trek yang panjang supaya kedudukannya boleh dilaras suai. Lampu jenis ini berfungsi untuk menerangi dinding yang mempunyai elemen hiasan seperti bingkai gambar. Kedudukan lampu yang boleh diubah menjadikannya sesuai untuk pencahayaan yang berubah-ubah dari semasa ke semasa.

Lampu Dinding

Berfungsi untuk menerangi tempat tertentu di dalam sesuatu ruang. Cahaya lampu dinding yang terhad mewujudkan perasaan yang tenang dan dapat mencantikkan sesuatu ruang.

Lampu Siling Lepak

Dipasang secara lekap pada siling. Lampu siling diperolehi dalam pelbagai bentuk, saiz, warna dan gaya.

Lampu Kalimantang

Lampu yang paling banyak digunakan dan boleh didapati dengan harga yang murah.



Jenis dan Fungsi Kipas



Kipas Siling (Ceiling Fan)

Kipas siling digantung secara kekal di siling. Angin boleh mencapai kawasan yang cukup luas di dalam bilik.

Kipas Dinding (Wall Fan)

Dipasang pada dinding untuk ruang yang kecil dan ketinggian siling yang tidak sesuai untuk memasang kipas siling.



INFO

Perluah fungsi *reverse* pada kipas di Malaysia?

Fungsi *reverse* pada kipas siling sebenarnya dicipta untuk kawasan-kawasan beriklim sejuk. Ketika musim sejuk, masyarakat barat khususnya memerlukan sebuah kipas yang akan menarik angin sejuk ke atas supaya udara panas yang keluar daripada alat pemanas dapat memenuhi bilik. Ini akan membolehkan seluruh bahagian rumah atau bilik dipenuhi udara panas yang akan memberikan keselesaan pada penghuni rumah atau ruang tersebut.

Konsep Lampu dalam Hiasan Dalaman

1. DOWNLIGHT




Lampu jenis ini digunakan untuk pencahayaan utama di rumah.

Kelebihan menggunakan lampu *downlight* adalah pemasangan lampu ini tersembunyi di siling dan tidak menggunakan ruang yang banyak.

2. UPLIGHT

Uplight adalah arah cahaya lampu yang datang dari bawah dan memberikan kesan cahaya yang lebih menyerlah di dalam ruang. Jenis pencahayaan ini lebih cenderung kepada pencahayaan dekoratif.



3. WASHLIGHT



Teknik *wall-washing* digunakan untuk memberikan fokus cahaya lampu *downlight* pada beberapa ruang. Salah satu cara adalah dengan mengarahkan cahaya lampu *downlight* ke dinding, di mana dapat menyebarkan cahaya ke serata dinding. *Wall-washing* adalah salah satu teknik pemasangan lampu *downlight* paling umum yang digunakan. Kesan cahayanya memberikan ilusi dinding yang lebih lebar di permukaan yang mendatar.

6.2.3 Menyesuaikan Susun Atur Lampu dan Kipas Hiasan Mengikut Kesesuaian Ruang Dalam

Pemilihan lampu dan kipas haruslah disesuaikan mengikut konsep dan fungsi ruang dalam seperti ruang tamu, ruang makan, bilik tidur dan bilik air di kediaman anda. Terdapat beberapa jenis pilihan lampu dan kipas yang sesuai mengikut konsep hiasan terkini seperti konsep Moden, Moden Kontemporari, Minimalis, Nusantara dan Inggeris.



LAMPU GANTUNG

Lampu ini terdiri daripada mentol dan terendak. Lampunya digantung dari siling. Reka bentuk lampu gantung terdapat dalam pelbagai bentuk, corak dan gaya.

Ruang dalam yang sesuai:

- ◆ Ruang tamu
- ◆ Ruang makan
- ◆ Dapur
- ◆ Bilik tidur



LAMPU GANTUNG DEKORATIF

Lampu gantung dekoratif lebih bersifat sebagai hiasan. Biasanya lampu jenis ini mempunyai mentol yang banyak dan digantung dari bahagian tengah siling sebagai elemen hiasan lampu utama. Terdapat dalam pelbagai reka bentuk, contohnya lampu *chandelier*.

Ruang dalam yang sesuai:

- ◆ Ruang tamu
- ◆ Ruang makan
- ◆ Dapur
- ◆ Bilik tidur

LAMPU SILING LEKAP

Lampu jenis ini dipasang secara lekap pada siling. Lampu siling ini mudah diperolehi dalam pelbagai bentuk, saiz, warna dan gaya.

Ruang dalaman yang sesuai:

- ◆ Ruang tamu
- ◆ Ruang makan
- ◆ Dapur
- ◆ Bilik tidur



LAMPU TREK

Lampu trek dipasang khas pada sebatang trek yang panjang supaya kedudukannya boleh dilaras. Ia berfungsi untuk menerangi dinding yang mempunyai elemen hiasan seperti bingkai gambar. Kedudukan lampu yang boleh diubah menjadikannya sesuai untuk pencahayaan yang berubah-ubah dari semasa ke semasa.

Ruang dalaman yang sesuai:

- ◆ Ruang tamu
- ◆ Ruang makan
- ◆ Dapur



CABAR MINDA



Lampu Light-Emitting Diode (LED) sering digunakan di ruang kediaman atau ruang komersial berbanding lampu biasa. Nyatakan kelebihan penggunaan lampu LED kepada pengguna.

LAMPU KALIMANTANG

Merupakan lampu yang paling banyak digunakan. Lampu ini boleh didapati dengan harga yang murah. Berfungsi sebagai lampu kerja dan sesuai digunakan di pejabat dan sekolah.

Ruang dalaman yang sesuai:

- ◆ Ruang kerja
- ◆ Bilik air



LAMPU DINDING

Berfungsi untuk menerangi tempat tertentu di dalam sesuatu ruang. Cahaya lampu dinding yang terhad mewujudkan suasana yang tenang dan dapat mencantikkan sesuatu ruang.

Ruang dalaman yang sesuai:

- ◆ Ruang tamu
- ◆ Laluan koridor



KIPAS SILING DEKORATIF

Selain digunakan untuk pengedaran udara di dalam sesuatu ruang, kipas ini juga menjadi elemen penghias kepada siling. Terdapat pelbagai rekaan kipas dekoratif di pasaran.

Ruang dalaman yang sesuai:

- ◆ Ruang tamu
- ◆ Bilik tidur



KIPAS SILING BERLAMPU

Kelebihan kipas siling berlampu adalah hiasan lampu yang dilekapkan bersama kipas. Penggunaannya adalah seperti dua dalam satu, di mana kipas dan lampu boleh digunakan secara serentak dalam masa yang sama.

Ruang dalaman yang sesuai:

- ◆ Ruang tamu
- ◆ Bilik tidur
- ◆ Ruang makan

6.2.4 Menganalisis Jenis, Fungsi serta Bentuk Lampu dan Kipas Hiasan Berdasarkan Kesesuaian Konsep Ruang Dalam

Bentuk dan Jenis Lampu

Jenis Lampu

1. Lampu Gantung Dekoratif

Konsep Inggeris



Fungsi

Lampu *Chandelier* merupakan salah satu contoh lampu gantung yang sering digunakan dalam konsep Inggeris. Ini kerana reka bentuk dan ciri-ciri mewah yang ada pada lampu tersebut.

Jenis Lampu

2. Lampu *Downlight*

Konsep Moden



Fungsi

Lampu jenis ini digunakan untuk pencahayaan utama di rumah. Kelebihan menggunakan lampu *downlight* adalah pemasangan lampu ini tersembunyi di siling dan tidak menggunakan ruang yang banyak.

Jenis Lampu

3. Lampu Siling Lekap

Konsep Minimalis



Fungsi

Lampu siling lekap adalah pilihan pengguna dalam ruang dalaman konsep Minimalis. Ini kerana reka bentuknya yang ringkas dan menarik serta boleh disesuaikan dengan konsep tersebut.

Jenis Lampu

4. Lampu Trek

Konsep Moden Kontemporari



Fungsi

Lampu trek direka dengan rupa bentuk yang ringkas dan fokus pada cahaya sesuai diletakkan di ruang yang berkonsepkan Kontemporari.

Jenis Lampu

- Lampu Kalimantan

Konsep Moden




Fungsi

Konsep Moden menggunakan lampu kalimantang di dalam ruang dalamnya. Pencahayaan yang lebih meluas ke seluruh ruang dan penyenggaraan yang mudah membuat lampu kalimantang masih menjadi pilihan.

Jenis Lampu

- Lampu Gantung

Konsep Nusantara



Fungsi

Konsep Nusantara menggunakan lampu gantung di dalam ruang dalaman. Lampu ini sesuai diletakkan di ruang tamu, dapur dan ruang bilik.

Bentuk dan Jenis Kipas

Jenis Kipas

- Kipas Siling Berlampu

Konsep Inggeris




Fungsi

Kipas siling berlampu sering digunakan di dalam konsep Inggeris kerana reka bentuk dan ukiran pada kipas dan lampu mempengaruhi ruang dalaman secara tidak langsung.

Jenis Kipas

- Kipas Siling Dekoratif

Konsep Nusantara




Fungsi

Kipas siling dekoratif adalah yang paling sesuai untuk digunakan dalam konsep Nusantara.


6.2.5 Pemilihan Jenis dan Kuantiti Lampu dan Kipas Hiasan

Anda telah mengetahui pelbagai jenis lampu dan kipas hiasan. Berdasarkan pengetahuan tersebut, anda dikehendaki membuat pemilihan jenis dan kuantiti lampu dan kipas hiasan mengikut konsep ruang dalaman dengan merujuk Rajah 6.1 dan Rajah 6.2.



Rajah 6.1 Pelan siling

Berikut merupakan jenis-jenis lampu dan kipas hiasan untuk membuat pemilihan.



Rajah 6.2 Contoh jenis lampu dan kipas

Isikan bilangan kuantiti lampu dan kipas pada setiap ruang dalaman yang telah anda pilih pada ruangan kosong Jadual 6.1.


Lampu			Kipas		
Ruang	Jenis lampu	Kuantiti	Ruang	Jenis kipas	Kuantiti
Ruang tamu			Ruang tamu		
Bilik tidur			Bilik tidur		
Bilik air			Bilik air		
Dapur					

Jadual 6.1 Kuantiti lampu dan kipas



6.2.6 Melakar Susun Atur Lampu dan Kipas Hiasan

Anda dikehendaki melakar susun atur lampu dan kipas hiasan berdasarkan fungsi ruang dalam dengan lengkap mengikut idea kreatif anda. Hasilkan lakaran tersebut berdasarkan pelan siling yang diberikan.



Rajah 6.3 Pelan siling

KREATIVITI DAN INOVASI

Aplikasi *Room Planner* atau *Planner 5D* boleh digunakan sebagai menjana idea untuk mereka bentuk dalaman secara 2D dan 3D.

Rumusan

LAMPU DAN KIPAS HIASAN

Jenis-jenis lampu:

- i. Lampu gantung
- ii. Lampu gantung dekoratif
- iii. Lampu siling lekap
- iv. Lampu trek
- v. Lampu kalimantang
- vi. Lampu dinding

Jenis-jenis kipas:

- i. Kipas siling
- ii. Kipas dinding
- iii. Kipas siling berlampu
- iv. Kipas siling dekoratif

• Pencahayaan

- i. Semula jadi: Matahari dan bulan
- ii. Buatan manusia: Lampu

• Pengudaraan

- i. Semula jadi: Sumber daripada angin dan udara dari luar melalui bukaan tingkap dan pintu.
- ii. Buatan manusia: Kipas atau pendingin hawa

Konsep lampu dalam Hiasan Dalaman:

- i. *Downlight*
Digunakan untuk pencahayaan utama di rumah.
- ii. *Uplight*
Uplight adalah arah cahaya lampu yang datang dari bawah dan memberikan kesan cahaya yang lebih menyerlah di dalam ruang.
- iii. *Washlight*
Teknik *wall-washing* digunakan dalam memberikan fokus cahaya lampu *downlight* pada beberapa ruang. Salah satu cara adalah dengan mengarahkan cahaya lampu *downlight* ke dinding, di mana dapat menyebarkan cahaya ke serata dinding.



LATIHAN PENGUKUHAN

BAHAGIAN A

1. Lampu manakah digunakan dalam hiasan dekorasi konsep Inggeris?
 - A Lampu sorot
 - B Lampu *chandelier*
 - C Lampu matahari
 - D Lampu gantung
2. Lampu yang manakah paling sesuai dipasang di bilik air?
 - A Lampu sorot
 - B Lampu meja
 - C Lampu siling lekap
 - D Lampu gantung
3. Antara fungsi lampu yang manakah paling tepat menunjukkan fungsi lampu dinding?
 - A Memberikan sentuhan ruang agar tampak lebih mewah dan elegan.
 - B Mudah alih dan dapat dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain.
 - C Menerangi setiap bahagian tertentu dan membekalkan cahaya yang cukup.
 - D Menerangi ruang agar nampak lebih efektif.



4. Namakan jenis lampu di atas.
 - A *Downlight*
 - B Lampu sorot
 - C Lampu trek
 - D Lampu dinding

BAHAGIAN B


1. Senaraikan empat jenis lampu yang sesuai dipasang dan digunakan di ruang dapur.

- i _____
- ii _____
- iii _____
- iv _____

2. Nyatakan fungsi lampu-lampu berikut:

- i Lampu gantung: _____
- ii Lampu siling lekap: _____
- iii Lampu gantung dekoratif: _____


3. Cadangkan jenis lampu yang sesuai berdasarkan gambar ruang tamu yang diberikan.





TUGASAN

Berdasarkan pelan di bawah, murid dikehendaki mencadangkan jenis lampu dan kipas yang sesuai. Lakar kedudukan lampu dan kipas pada pelan di bawah dan lengkapkan jadual berikut.



Bil.	Jenis lampu dan kipas	Kuantiti	Ruang
1.			
2.			
3.			
4.			